KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 13.06.22 | MUKA SURAT | : | 34 |
| JABATAN | : | JMG | | | |



# Gunung Jerai dilengkapi sistem amaran puing

## Teknologi dari Jepun itu yang pertama digunakan dan akan diperluaskan ke lokasi lain

Oleh ROSLINDA HASHIM
YAN

Sistem amaran awal bagi mengesan bencana geologi khususnya aliran puing telah dipasang di kawasan Gunung Jerai Februari lalu untuk memberi amaran awal sekiranya berlaku fenomena kepala air di kawasan tersebut.

Ketua Pengarah, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia, Hisamuddin Termidi berkata, teknologi dari Jepun itu merupakan yang pertama dalam negara dan akan diperluaskan ke lokasi berisiko lain sekiranya projek rintis berkenaan berkesan.

Menurutnya, sistem amaran awal aliran puing yang dikenali sebagai EWS ini diadaptasi dan disesuaikan mengikut kedudukan lokaliti setempat untuk beroperasi.

"JMG dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah memasang dan menyiapkan sistem amaran awal aliran puing di Titi Hayun, Gunung Jerai dan telah pun diaktifkan serta beroperasi.

"Sekiranya projek rintis EWS ini berjaya, kita akan pasang di tempat-tempat lain yang bersesuaian," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Jerai Geopark di Titi Hayun pada Sabtu.



Hisamuddin (kiri) ketika meninjau kawasan bencana aliran puing di Titi Hayun, Yan yang terjejas teruk susulan kejadian kepala air pada 18 Ogos tahun lalu.

Hisamuddin berkata, teknologi EWS banyak diguna pakai di Jepun yang menggabungkan pengesan deria getaran dan wayar bagi membolehkan amaran bencana aliran puing dikesan lebih awal.

"EWS mempunyai beberapa komponen, antaranya penggunaan deria wayar yang akan mengesan aliran puing pada tahap-tahap tertentu, apabila mengenai wayar tersebut sistem amaran awal diaktifkan dan mengeluarkan bunyi siren yang boleh didengari penduduk sekitar.

"Jadi, mereka boleh persiapkan diri untuk evakuasi dan pergi ke tempat lebih selamat," jelasnya.

Menurutnya, pengendalian sistem EWS telah dimaklumkan kepada Majlis Daerah Yan kerana ia akan diserahkan kepada komuniti untuk menguruskannya selepas diberikan taklimat kaedah penggunaannya.

Tegas Hisamuddin, pengurusan risiko bencana yang menyeluruh harus dilaksanakan di semua peringkat akar umbi dengan penglibatan komuniti setempat.

Mengulas sama ada Gunung Jerai kini selamat untuk dikunjungi orang ramai susulan kejadian aliran puing di daerah Yan dan Kuala Muda pada 18 Ogos tahun lalu, kata Hisamuddin kawasan rekreasi berkenaan sudah boleh dibuka semula.